

Conference e-Proceedings

eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online



I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF
RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2023

**EMBRACING CHANGE:
EMANCIPATING THE LANDSCAPE
OF RESEARCH IN LINGUISTIC,
LANGUAGE AND LITERATURE**

13 - 14 MARCH 2023

**NOBLE RESORT HOTEL MELAKA
MALAYSIA**

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



UNIVERSITI
MELAKA



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

CONFERENCE MANAGER



WMIT GROUP SDN BHD
138118-A



eISBN 978-967-2072-43-0

Physical & Online

I-RoLE 2023

INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH
ON LANGUAGE EDUCATION 2023

Conference e-Proceedings

International Conference of Research on Language Education 2023

13-14 March 2023 • Noble Resort Hotel, Melaka



**Conference e-Proceedings
International Conference of Research on
Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0**

**“Embracing Change: Emancipating the Landscape of
Research in Linguistics, Language and Literature”**

**13-14 March 2023
Noble Resort Hotel, Melaka
*Physical and Online Conference***

ORGANISER



Cawangan Melaka

CO ORGANISERS



CONFERENCE MANAGER





EDITORIAL BOARD

Chairman

Dr. Ameiruel Azwan bin Ab Aziz
Universiti Teknologi MARA

Committee Member

Fazlinda binti Hamzah
Universiti Teknologi MARA

Mohd Azlan Shah bin Sharifudin
Universiti Teknologi MARA

Dr. Amirah binti Mohd Juned
Universiti Teknologi MARA

Coordinator

Zesdyzar Rokman
WMIT Group Sdn Bhd

Rozielawati Rosli
WMIT Group Sdn Bhd

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors and any statements in this publication do not imply endorsement by the publisher or the editorial staff.

e ISBN 978-967-2072-43-0



Publisher:
Zes Rokman Resources (2131022-P)
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan



Conference e-Proceedings
International Conference of Research on Language Education 2023
e-ISBN: 978-967-2072-43-0

Table of Contents

No.	Title	Page Number
1.	Galaxy Tense A+: The Effectiveness of English Tenses Board Game Among Tertiary Students	6
2.	Graphic Design Website: Exploring Market Needs for Services	14
3.	Beyond What Eye Saw	21
4.	Creative Writing: Through Her Eyes - Tales of The Heart	28
5.	Let's Play Phonetic Charades	34
6.	A Visual Novel Game on Social Anxiety	40
7.	Skin Care with Fisha: New Media Content Creation for Basic Skincare Education	48
8.	e-Book of Poem Collections	55
9.	Toodles: Flashcards for Children	61
10.	Digital Flashcards (Tenses)	68
11.	Investigating Students' Concerns on The Development of Masterly!	74
12.	Googly Eyes: A Game to Improve English Usage Among Teenagers	80
13.	Providing Subtitles for Malaysian YouTuber	86
14.	Read and Play: Improving Adolescent's Reading Skills Through Video Games	91
15.	Thoughts by Her Soul Bookmark	99
16.	The Comedy of Errors Simplified: "Egeon's 18Th Reasons Why"	105
17.	Oliver Green: Improving Homonyms Understanding Through Comics	112
18.	PWSP: Phonetic Word Search Puzzle Book	117
19.	Floriography	121
20.	A Preliminary Study on The Young Adult's Perception of Learning English Using the Website: Swifties Read	126
21.	A Place for Poets: An Online Poetry Recitation Series	133
22.	Say It Right with Ya	140
23.	Don't Touch My No-No Square	150
24.	Templatify: An E-Book Collection of Ecards Templates	158
25.	Short Story: Disease Takes Happiness Away	164
26.	Dusted Lines: A Compilation of Self-Written Poems	170
27.	'What's Your Philosophy?' An Edutaining Card Game	177
28.	Be Cool, Not Cruel	185
29.	Grammar Made Fun with TikTok	192
30.	Interactive Journaling as A Mental Health Coping Strategy for Youths	201
31.	Learned – Spoken: Manglish	212
32.	Lost in the Labyrinth of My Mind	218
33.	Translation of Abqorie's Fardhu Ain Module for Smart Tahfiz & Transit Abqorie	225
34.	Poetry for Us: Expressing Feelings Through Creative Writing	231
35.	Lyacomms' Proofreading and Editing Service	238



No.	Title	Page Number
36.	The Effectiveness Of ‘Master the Verbs’ Instagram Flashcards Among Year Six Low Proficiency Level Students	244
37.	My Malay Fables	252
38.	Talking Story: eBooks to Improve Reading Comprehension Skills	259
39.	Exploring Creative Writing as A Tool to Enhance Mental Health	272
40.	Movie Moo	281
41.	English Pitstop	288
42.	Upin Ipin Reding Kit	294
43.	Seventy-Two Beats a Second	301
44.	Knowing Kristang	308
45.	Creatorslation: The Role of Technology in Translation Service	313
46.	Travel Guide as a Medium to Improve English Comprehensiveness	319
47.	Posterlance	328
48.	Crossfunetics	336
49.	The Effectiveness of Board Games to Promote Student Attention and Enjoyment in English Subject	342
50.	The Use of e-Books and Social Media in Introducing Malaysian Folklores Among Children	352
51.	Creepypodcast YouTube Channel	357
52.	Mastermind’: English Board Game	363
53.	한국어 In Melayu!	369
54.	Triple P with Sang Kancil: Pronunciation, Phonetics, and Playbook	376
55.	"So, She Reads" Book Blog	383
56.	Abbyfication: A Grammar-Based Word Game	389
57.	Klick! A Content Writing Service	396
58.	The Love Levanter Podcast	403
59.	Let’s Talk Feelings Podcast	409
60.	Grafixmoon: Poster Designing Service	415
61.	The Circle of Life	422
62.	Hops the Dwarf	430
63.	Malay Corner: Learning Malay Through Discord	435
64.	Movie: This and That	441
65.	Phone the Phonetics: Phonetic Flashcards	449
66.	And What If?	455
67.	Interrupted: Life in A Podcast	458
68.	@Phoneticisfun	463
69.	Culinary and Creative Writing: When Two Worlds Collide	468
70.	Talk in Senses	473
71.	Piano Pleasure Course	480
72.	Step by Step: A Motivational Instagram Account	486
73.	Figurative Language! An Educational Autobiography	492
74.	Of Power, Devotion and Betrayal: A Collection of Malaysian Princesses’ Folklores	499
75.	Tell Me, How’s Everything? An Anthology of Poems to Increase the Understanding of Figurative Language	505



No.	Title	Page Number
76.	Oh, Lendu Youth	513
77.	Living the Hard Life	520
78.	Mirror, Mirror, on the Wall, Who Is the Best of Us All?	528
79.	Beyond the Crowded Space: The Use of Podcast in Improving Psychological Well-Being	535
80.	Samdil: Same Music, Different Language	541
81.	Bejalai: A YouTube Journey	547
82.	Mind Your Language	552
83.	Pop Music Podcast: A Bop or A Flop?	560
84.	Exploring The English Language Teachers' Beliefs And Practices In Implementing CEFR-Aligned Formative Assessment In Malaysian Primary Schools	570
85.	Pencapaian Ucapan Bayi Sejak Lahir Hingga Dua Belas Bulan	575
86.	Mengkaji Makna Bahasa Lukisan Kanak - Kanak Muda Usia 0-3 Tahun	585
87.	Penelitian Terhadap Kesiapan, Motivasi Dan Faktor Persekitaran Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Karangan Respon Terbuka Di Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur	599
88.	Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Murid Bukan Melayu Tahun 5 Semasa Menulis Karangan: Satu Kajian Kes	610
89.	Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Naratif Murid Tahun 6 Menggunakan Kit Ikan Karang	619
90.	Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar Pispmp: Satu Kajian Kes	633
91.	Tahap Pengetahuan Guru Pelatih Mempengaruhi Kekekapan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Melayu	643

MENKKAJI MAKNA BAHASA LUKISAN KANAK - KANAK MUDA USIA 0-3 TAHUN.

*Rosny Maidin¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

¹Alen_Esmaryjune@yahoo.com

*Corresponding author

ABSTRAK:

Lukisan kanak-kanak sering kali dilihat dalam koleksi contengan dan gambaran sama ada menghiasi dinding, contengan pada tubuh badan, dan pelbagai tempat yang boleh dilihat. Tujuan ini adalah untuk keseronokan kanak-kanak, namun dalam elemen seronok terkandung intipati yang boleh mambangun kemahiran dan perkembangan yang merujuk terhadap awal literasi lukisan merupakan petanda awal bahasa literasi komunikasi lisan dan tulisan. Selangkah dengan ini, keperluan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji makna bahasa lukisan kanak-kanak bermula usia sejak lahir hingga tiga tahun. Seramai lapan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini iaitu dua peserta kanak-kanak lelaki dan dua peserta kanak-kanak perempuan, serta empat informan iaitu Ibu bapa kepada kanak-kanak tersebut. Kajian ini dilaksanakan menggunakan penyelidikan kualitatif, kaedah kajian kes kajian penerokaan dan kajian perkembangan. Pemungutan data melibatkan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan The Data Analysis Spiral (Creswell & Poth, 2018). Dapatan kajian menunjukkan makna lukisan bagi kanak-kanak muda usia 0-3 tahun membangun perkembangan bahasa, membangun kemahiran motor halus, mengembangkan kreativiti, serta membangun pembelajaran dan pengetahuan baharu. Penemuan ini menunjukkan hubungan naratif kanak-kanak dan proses lukisan mereka berubah dan berkembang yang memaklumkan sifat dan kandungan karya membantu menjelaskan niat dan proses kanak-kanak berfikir. Justeru, implikasi kajian ini merungkai bahawa melukis adalah alat minda yang membangun awal pembelajaran bahasa penulisan serta penceritaan secara semula jadi dan berkesan. Pembangunan ini membolehkan kanak-kanak berpeluang mengikuti sosiobudaya bermasyarakat dengan lebih awal dalam membina aspek perkembangan diri kanak-kanak.

Kata kunci: melukis, bahasa, motor halus, kreativiti, pembelajaran, naratif pemikiran

1. PENDAHULUAN

Lukisan ialah bahasa visual dan grafik untuk menyampaikan konsep, komunikasi dan kognisi kanak-kanak. Kanak-kanak yang melukis adalah kanak-kanak yang gembira. Mereka meluahkan ketakutan, kegembiraan, impian, kesakitan dan sebagainya melalui lukisan, dan juga memberi petunjuk tentang hubungan mereka dengan dunia dan perkara lain. Lukisan adalah saluran komunikasi dan karya seni kanak-kanak mewakili pandangan keperibadian mereka. Sebagaimana perspektif teori menyatakan kanak-kanak dan lukisan merupakan komunikasi dalaman dan lisan kanak-kanak, yang melibatkan komunikasi pemikiran dan kemudian dikeluarkan dalam bentuk lisan lukisan seterusnya lisan interaksi (Vygotsky, 1989). Selain itu, lukisan kanak-kanak boleh menggambarkan luahan emosi kanak-kanak sama ada ketika mereka sudah berkebolehan berkomunikasi mahu pun masih dalam peringkat awal literasi. Kepentingannya ini bagi orang dewasa membolehkan mereka mengetahui emosi kanak-kanak kecil tanpa mereka menyatakan secara lisan, dan orang dewasa juga boleh mengetahui sesuatu

emosi kanak-kanak yang tidak dilontarkan secara lisan (Steyn & Moen, 2017). Justeru, lukisan kanak-kanak memberi kepentingan baik pada diri kanak-kanak mahu pun orang dewasa, kerana lukisan merupakan tunjang pemerolehan banyak pengetahuan sama ada dari segi pembelajaran, seni, bahasa, pemupukan motor dan sebagainya. Dengan itu, selari dengan objektif kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji makna bahasa lukisan kanak-kanak bermula usia sejak lahir hingga berumur 3 tahun (0-3th), sebagai suatu bentuk penyampaian ontologi dan epistemologi kepada umum khususnya bagi kalangan ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak lingkungan usia 0-3 tahun.

2. KAJIAN LITERATUR

Melukis sebagai Bahasa

Pertama, kajian yang dijalankan oleh Kalin, (2017), yang telah membuktikan bahawa melukis bagi kanak-kanak membawa kepada pemupukan penguasaan bahasa awal kanak-kanak. Dapatan kajian ini menghuraikan semasa kanak-kanak kecil melukis, mereka menceritakan kisah mereka dan membuat dunia mereka menggunakan lukisan untuk belajar, memahami, mencipta bahasa dan berhubung dengan orang lain, sambil mengubah apa yang sudah wujud untuk tujuan mereka. Ini bermakna, kanak-kanak telah menterjemahkan bahasa pemikiran dalam bentuk penceritaan pada lukisan menurut persepsi sendiri. Selari dengan pandangan daripada Mcilory, (2020), melukis akhirnya menjadi cara kanak-kanak menyatakan pemahaman mereka tentang dunia dan semua perkara yang penting bagi mereka, malah hobi melukis bagi kanak-kanak mampu meningkatkan awal literasi mereka terutamanya literasi komunikasi kerana lukisan yang telah dihasilkan menimbulkan perbualan interaksi kanak-kanak. Bagi kajian daripada Guimaraes, (2022), kanak-kanak yang suka menghasilkan lukisan adalah kanak-kanak yang banyak pemikirannya, mereka berkomunikasi dalam diri, kemudian berkomunikasi menerusi lukisan, dan diakhiri secara komunikasi lisan dan berlakunya interaksi perbualan dan penceritaan. Dalam pemikiran kanak-kanak termasuklah apa yang berlaku dalam kehidupan mereka, ini termasuklah kanak-kanak yang mengalami trauma di mana sebuah lukisan kanak-kanak akan dinilai (Neuville & Piffner, 2019), lukisan rutin kehidupan kanak-kanak yang ingin dikongsi bersama keluarga dan rakannya (Peterson & Friedrich, (2021), serta pemikiran kanak-kanak sedang meneroka perkembangan idea yang meluas hasil daripada penglihatan visual mereka (Brooks, (2009). Maka, alur ini membangun kemahiran berbahasa kanak-kanak secara konsisten, kreatif serta berpeluang mempelajari sesuatu yang baharu. Selari dengan pandangan Harrington, (2022), bahawa orang dewasa yang mengajar melukis pada anak mereka pada masa yang sama dengan mengajar menulis membangunkan kebolehan lebih celik huruf kepada kanak-kanak. Harrington, (2020) menjelaskan lukisan adalah bentuk komunikasi yang paling asas dan langsung. Matlamatnya adalah untuk memahami apa yang disampaikan. Apabila kanak-kanak membincangkan lukisan mereka, dialog mempunyai tujuan yang sangat penting dimana mereka boleh berlatih menterjemah pemikiran visual mereka kepada perkataan. Maka, saling kebergantungan perkataan dan imej adalah kuasa yang paling berkuasa dalam pembangunan intelek dan emosi kanak-kanak. Apabila kanak-kanak menggabungkan perkataan dan imej, terdapat makna yang lebih mendalam. Akhirnya, melalui seni boleh menyediakan suatu cara untuk membina persepsi, keyakinan dan kekuatan dalam membantu kanak-kanak memperoleh kemahiran berbahasa.

Cara berbeza menunjukkan kanak-kanak berkomunikasi

Bagi kajian Clarerance, (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa lukisan merupakan suatu cara berbeza yang menunjukkan menunjukkan kanak-kanak berkomunikasi. Dalam

penyampaian interaksi kanak-kanak, kanak-kanak tidak semestinya berinteraksi secara lisan, mereka boleh memilih jenis interaksi sama ada lisan iaitu bercakap, interaksi lukisan di mana apa yang ingin dikatakan oleh kanak-kanak berada pada lukisan tersebut, atau pun mereka berkomunikasi selepas mereka menghasilkan sesuatu lukisan. Dengan cara ini dikatakan bahawa kanak-kanak mempunyai perbezaan dalam tindakan menyampaikan komunikasi pemikiran kanak-kanak. Selari dengan pandangan Kallitsoglou, Repana & Shiakou, (2022), lukisan kanak-kanak bertujuan memberitahu banyak perkara, dan disampaikan dengan cara yang berbeza, kanak-kanak menunjukkan suka dan pengalaman ingatan yang berbeza, gaya dan penglihatan yang berbeza, serta melukis untuk meluahkan kegembiraan yang tidak dapat dilihat dengan tindakan tetapi dapat dikenal pasti melalui sebuah lukisan.

3. METODOLOGI

Penyelidikan kualitatif; -Kajian kes, jenis penerokaan dan kajian perkembangan.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menggunakan kajian kes yang dijalankan secara kajian penerokaan dan kajian perkembangan, sepenuhnya dirujuk daripada Creswell & Poth, (2018). Pemilihan penyelidikan kualitatif adalah bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan yang berarah kepada sifat semula jadi bagi mengkaji sesuatu isu yang memerlukan eksplorasi untuk memahami isu tersebut secara terus kepada peserta kajian. Sebagaimana pandangan Creswell dan Poth, (2018) menyatakan pendekatan kualitatif meneroka pemahaman sesuatu konteks dalam menangani isu peserta kajian dalam kajian melalui proses inkuiri yang dijalankan secara semula jadi. Selari itu, kajian kes telah digunakan kerana pengkaji ingin meneroka sistem sempadan kontemporari (sesuatu kes) atau sistem berbilang sempadan (kes) dari semasa ke semasa, melalui pengumpulan data terperinci dan mendalam yang melibatkan pelbagai sumber maklumat (spt pemerhatian, temu bual, dokumen) dan akhirnya pengkaji akan melaporkan perihal kes mengikut tema kes secara mendalam. Untuk kajian kes penerokaan memerlukan pengkaji menjalankan pemungutan data berulang, ini kerana pengkaji ingin meneroka lukisan kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka, dan sudah pasti kajian ini memerlukan proses penerokaan yang berulang. Bertepatan dengan adanya proses pengambilan data seiring dengan umur kanak-kanak, maka kajian perkembangan turut sama bersesuaian dalam pelaksanaan kajian ini, kerana pengkaji ingin melihat kewujudan perkembangan dalam makna lukisan kanak-kanak. Maka, kes yang dikaji ini telah dirungkai secara keseluruhan dan dapatan dikemukakan secara mendalam.

Instrumen


Instrumen kajian ini menggunakan temu bual semi-struktur, pemerhatian tidak turut serta, dan analisis dokumen berdasarkan cadangan daripada Creswell & Poth, (2018). Untuk temu bual, pengkaji telah menemubual 4 ibu bapa kanak-kanak mengikut protokol temu bual berdasarkan persoalan kes iaitu Tema 1: Apakah makna bahasa lukisan kanak-kanak muda usia 0-3 tahun? Serta 5 subtema berikut; *subtema (1) adakah anak anda menunjukkan minat melukis? Subtema (2) sejak bila anak anda mula melukis? Subtema (3) adakah anak anda gembira ketika melukis? Subtema (4) bagaimana anak anda boleh melukis? Subtema (5) apakah kandungan lukisan anak anda? Subtema (6) adakah terdapat perubahan lukisan anak anda? Subtema (7) adakah melukis memberi manfaat kepada anak anda?* Tujuan ini adalah untuk memberi maklumat utama (informan) pada soalan kes yang akhirnya kes dapat dirungkai dengan mendalam. Temu bual dijalankan tidak melebihi 1 jam. Pelaksanaan temu bual juga diberikan kepada 4 kanak-kanak pada peringkat umur mereka 3 tahun, di mana kanak-kanak tersebut kini berkebolehan berkomunikasi. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak yang masih belum

menguasai komunikasi, pengkaji boleh meneroka aspek bahasa kanak-kanak dari segi lukisan tersebut. Temu bual bersama kanak-kanak mengambil masa selama 15 minit. Protokol temu bual informan dan kanak-kanak adalah berbeza, di mana informan diperlukan untuk menjawab soalan kes, manakala protokol temu bual bersama kanak-kanak adalah berdasarkan hasil lukisan mereka sesuai dengan laras bahasa kanak-kanak. Pemerhatian juga dijalankan kepada kanak-kanak semasa mereka melukis, dan adalah penting untuk melihat hasil lukisan kanak-kanak dari segi penceritaan mereka. Maka, pemerhatian dilakukan semasa kanak-kanak melukis dan semasa kanak-kanak menceritakan tentang lukisan mereka. Masa yang diambil tidak melebihi 30 minit. Untuk analisis dokumen, hasil lukisan, gambar [lukisan dan kanak-kanak], rakaman audio temu bual informan dan kanak-kanak, rakaman pemerhatian kanak-kanak semasa melukis, serta nota lapangan berkaitan penceritaan kanak-kanak akan dianalisis sama.

Peserta kajian

Peserta kajian melibatkan 4 kanak-kanak usia 0-3th di mana 2 kanak-kanak perempuan, dan 2 kanak-kanak lelaki. Kemudian, penglibatan informan utama juga diperlukan yang melibatkan 4 orang ibu bapa peserta kanak-kanak. Ini menjadikan sejumlah lapan (8) peserta kajian dalam kajian ini.

Data analisis




Rajah 3. Lingkaran Analisis Data (Creswell and Poth 2018, p.186)

Analisis dan perwakilan data menggunakan Lingkaran Analisis Data daripada Creswell & Poth, (2018). Lingkaran analisis data ini bermula dengan peringkat pengumpulan data, kemudian melalui 5 fasa proses analisis dan diakhiri dengan akaun penemuan. (I) Mengurus dan menyusun data, (pengkaji menyusun sumber data teks transkrip, pemerhatian, dan imej ke dalam satu pangkalan fail). (II) Membaca dan menghafal idea-idea yang timbul, (pengkaji mencatat nota semasa membaca, melakar pemikiran reflektif, merumuskan nota lapangan). (III) Menghuraikan dan mengelaskan kod ke dalam tema, (pengkaji mengenal pasti kod -pengkaji menyenaraikan kategori dan penerangan kod, serta menggunakan kod -pengkaji memberikan kepada unit teks, imej dan rakaman, dan mengurangkan kod kepada tema, tindakan ini memerlukan pengkaji mengeluarkan kod penting dalam transkrip dengan melalui bacaan dan pemahaman teks daripada temu bual, pemerhatian, dan dokumen. Proses pengekodan ini melibatkan pengagregatan teks atau data visual ke dalam kategori maklumat, mencari bukti untuk kod daripada pangkalan data berbeza, melakukan pengasingan kod, memberikan label

kepada kod dan mengkategorikannya sebagai perwakilan data. Akhir sekali kod dimuktamadkan). (IV) Membangunkan dan menilai tafsiran, (pengkaji menghubungkankai kategori dan tema, mengaitkan kategori dan tema dengan kerja analitik dalam literatur, membentangkan rajah kontekstual dan teori serta cadangan). (V) Mewakili dan menggambarkan data, (pengkaji mencipta sudut pandang, memaparkan data dan melaporkan penemuan). Analisis dan perwakilan kajian kes ini merupakan penerangan terperinci membentangkan kronologi kes mengikut tahap umur dan lukisan kanak-kanak untuk menentukan bukti bagi setiap langkah dan fasa evolusi kes. (lihat gambar rajah 4 pengkaji membentangkan penemuan kajian berdasarkan penggunaan Lingkaran Analisis Data Creswell & Poth, 2018).

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN



Rajah 4. Apakah makna bahasa lukisan kanak-kanak muda usia 0-3th?

4.1 Membangun perkembangan bahasa

Awal literasi

Kanak-kanak yang gemar melukis berkemampuan dalam membangun awal literasi mereka seawal usia 1-2 tahun. Ini kerana, melalui lukisan, kanak-kanak akan cuba menyebut perkataan baharu kandungan lukisan yang mereka karyakan. Misalnya, kanak-kanak melukis bentuk bulat dan mereka akan menyebut bentuk tersebut iaitu bulat. Aktiviti melukis pada usia ini mampu membangun kebolehan kanak-kanak dari segi kelancaran interaksi, respon interaksi, dan pengetahuan baharu perkataan dan penggunaan ayat yang sesuai. Hasil pemerhatian dan temu bual pengkaji mendapati semua peserta kajian kanak-kanak menunjukkan peningkatan kelancaran semasa berinteraksi, membalas pertanyaan dengan betul, menggunakan perkataan baharu dan bersesuaian.

Bahasa perbadi

Bahasa peribadi atau *private speech* berasal daripada pemikiran kanak-kanak di mana kanak-kanak bercakap dalam pikiran tanpa mengeluarkannya dalam bentuk lisan. Namun, kajian ini telah membuktikan bahawa kanak-kanak telah meluahkan kata hati dan pemikiran mereka pada karya lukisan. Berikut makna bagi lukisan 4.1 bahasa peribadi yang menjelaskan kanak-kanak melukis dirinya sendiri (tengah), ibunya (kiri), dan adiknya (kanan) yang menggambarkan situasi mereka sedang menikmati ais krim dengan gembira. Pemerolehan watak dan situasi pada gambar adalah hasil pertanyaan pengkaji kepada kanak-kanak tersebut; siapakah dalam gambar ini? Jawapan kanak-kanak “*ini mami, saya, dan adik. Saya gembira beli ais krim dan makan ais krim bersama*”..(pK1, t1- L:3-4).



Gambar 4.1 Bahasa peribadi: lukisan kanak-kanak usia 3th.

Bahasa tulisan

Setelah kanak-kanak melukis sesuatu gambaran yang disukainya, mereka secara pelahan-lahan akan mengembangkan lukisan dengan menambahkan beberapa simbol dan huruf di mana ia bermula daripada bentuk tulisan yang tidak dikenali dan tidak bermakna tetapi bermakna bagi kanak-kanak, kemudian berubah dengan makna sebenar. Gambar 1: kanak-kanak melukis gambar abangnya, diikuti dengan kiraan nombor 1-10 tanpa dikenal pasti makna sebenar. Gambar 2: kanak-kanak melukis huruf A, contengan dan kiraan nombor 1-10 berwarna putih terhakis pada dinding. Hasil temu bual dan pemerhatian pengkaji mendapati kanak-kanak belum berkemampuan menulis nombor 1-10 dengan betul, tetapi telah mengetahui cara pengiraan nombor 1 sehingga 10 dengan menulis setiap satu bentuk contengan, tulisan, bentuk di kira sebagai 1 sehinggalah sepuluh. Maka, kanak-kanak telah mencipta makna dan cara tersendiri dalam menghasilkan sebuah karya lukisannya. Gambar 3: perubahan lukisan kanak-kanak telah berlaku di mana terdapat lukisan diri kanak-kanak disertakan huruf abjad spt P D A L O I dan bentuk bulat. Lukisan ini membawa makna kepada kanak-kanak tersebut di mana dirinya sedang cuba berusaha menulis huruf abjad dengan gembira. Gambar 4: menunjukkan peningkatan perubahan yang menunjukkan hanya huruf A L F P yang ditulis oleh kanak-kanak tanpa ada gambar dirinya.



Gambar 4.1.2 Bahasa tulisan: perubahan hasil lukisan kanak-kanak

Bahasa komunikasi

Selepas kanak-kanak melalui dan telah menguasai awal literasi, bahasa peribadi, bahasa tulisan, bahasa kanak-kanak akan beralih kepada bahasa komunikasi di mana pada waktu ini kanak-kanak akan mula menceritakan kisah lukisan mereka, dan menyatakan keinginan apa yang mereka hendak karyakan yang akhirnya membawa ke arah komunikasi interaksi, perbualan, dialog, bercerita dan sebagainya bersama dengan ibu bapa atau ahli keluarganya yang lain. Hasil kajian ini telah membuktikan kebolehan mempersembahkan lisan komunikasi kanak-kanak bermula pada peringkat umur 1-2th dan seterusnya 3th. Pengkaji juga turut mendapati bahawa kanak-kanak yang mahir bertutur awal usia 1-2th, mampu mengembangkan tahap pertuturan melalui aktiviti lukisan, malah penyampaian kemahiran lisan ini tidak menjadi masalah bagi kanak-kanak. Sebagaimana Nordberg, (2021) mengatakan, gambar membolehkan perkembangan bahasa kanak-kanak meningkat sama ada ianya hasil daripada lukisan kanak-kanak mahu pun gambar yang berada di persekitaran kanak-kanak. Berikut merupakan hasil temu bual pengkaji bersama informan;

“ya, anak saya melukis selepas itu dia akan cerita apa yang dia lukis. Ada satu masa anak saya melukis kek kat dinding bilik, dan memanggil saya menunjukkan kek yang dia lukis, dia ajak nyanyi happy birthday, dan makan kek itu dia suap saya, saya suap dia dan last sekali dia nak saya dan dia sama-sama pegi membeli kek coklat”.. (T1-st1, i1, L:15-17)

“selalunya selepas anak saya melukis, dia akan memanggil saya dan menunjukkan lukisannya. Anak saya ini akan menceritakan semua apa yang dia lukis, kalau dia lukis dinosaur dia akan cerita, kalau dia lukis kereta pun dia akan cerita. So saya akan respon la apa yang dikatakan. ini untuk tingkatan kemahiran dia bercakap, ayat tu dia boleh susun, tak terbalik, perkataan baru dia akan tahu, dan banyak lagi kemahiran dia boleh dapat kalau kita layan dia bercakap dengan kita”..(T1-st5, i2, L:5-10)

“selepas anak saya menconteng kat dinding pintu, dia conteng pun aku tak faham..,dia dengan gembiranya berlari kat saya, dia nak tunjukkan lukisan dia..apa yang saya perasan, anak saya akan rasa gembira yang dia boleh conteng, dia lukis cantik, dan dia cerita erti lukisan dia tu, even apa yang I nampak macam contengan jer..masa ni anak saya umur setahun lebih”..(T1-sb3,i3, L:11-15)

“ini paling latest la, saya betul-betul tak sangka anak saya boleh melukis satu situasi menyambut hari jadi. Dia yang excited gembira. Semalam tarikh hari jadi saya, saya tak sambut lagi nak beli kek semua tu. Pagi-pagi tu anak saya panggil turun ke bawah, dia tunjukkan saya satu lukisan, ya betul saya tak faham dan tak tahu apa yang anak saya lukis,

nampak macam cendawan haha..rupanya apabila anak saya menceritakan perihal hasil lukisan dia, barulah saya tahu bahawa anak saya nak menyambut hari jadi saya bersama dengan sesi keluarga kami. Saya sangat terharu apa yang dia ceritakan dan keinginannya menyambut hari jadi saya tu”..(T1-st3, i4, L: 30=36)



Gambar 4.1.3 Bahasa komunikasi: lukisan sambutan hari jadi

Ciri respon temu bual informan 4 menerangkan pada gambar lukisan di mana makna gambar tersebut menjelaskan kanak-kanak menyambut hari jadi ibunya bersama sesi keluarga daripada kanan..adik, ayah, abang, diri sendiri, dan ibu. Lukisan yang berada sedikit jarak bersebelahan ibunya adalah hadiah hari jadi untuk diberi kepada ibunya. Manakala gambar di tengah-tengah mereka adalah sebiji kek.

4.2 Membangun kemahiran motor halus

Menguatkan otot jari dan tangan

Hasil kajian mendapati kanak-kanak yang sering melakukan aktiviti melukis sebenarnya mereka sedang melatih jari otot dan otot jari dan tangan dari masa ke semasa. Kanak-kanak tidak tahu dengan melukis, tindakan ini sebenarnya mempercepatkan penguasaan memegang alat tulis seperti pen, pensil, dan sebagainya dengan cara yang betul dan berkesan. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati pada usia kanak-kanak bawah 12m, mereka baru bermula meneroka alat tulis tersebut, dengan cara memegang pada batang pensil/ highlight marker bukan dengan menggunakan jari. Kemudian, pada peringkat umur 1-2th, perubahan akan berlaku secara berperingkat di mana cara memegang alat pensil/pensil warna/ menggunakan cengkaman ke lima jari, meletakkan pensil pada 3 jari, dua jari, dan seterusnya menguasai pegangan pensil dengan betul di mana pensil berada pada semua hujung jari. Namun demikian, pada waktu ini kanak-kanak masih belum menguasai secara berkesan menggunakan pensil ketika melukis kerana otot jari dan tangan mereka kelihatan keras, cengkaman dan pegangan pensil juga keras, dan mengakibatkan tulisan atau lukisan yang mereka hasilkan dilakukan dengan cara menekan dan tebal, dan sekiranya kanak-kanak melukis/menulis di dinding berlaku hakisan dinding, sekiranya di atas kertas, kertas tersebut akan koyak. Kemahiran memegang pen/pensil/pensil warna dan sebagainya secara berkesan telah membuktikan keupayaan kanak-kanak pada usia 3th 1m di mana seorang peserta kanak-kanak (p) telah mendahului peserta kanak-kanak yang lain kerana pengkaji mendapati kanak-kanak ini lebih banyak terdedah dengan aktiviti penulisan dan pembelajaran di rumah. Keupayaan kanak-kanak ini termasuklah berkemampuan secara berkesan menulis dan melukis di mana tangan dan jari dilihat lembut semasa menulis/melukis. Hal ini bermaksud, semakin banyak pendedahan aktiviti melukis dan menulis di rumah, semakin cepat kekuatan otot jari dan tangan kanak-kanak mengendalikan alat tulis secara berkesan. Selari dengan pandangan Kallitsoglou, Repana & Shiakou (2022), menyatakan bahawa semasa aktiviti melukis otot-otot jari tangan dan pergelangan tangan dilatih dan dikuatkan, dan semakin banyak


aktiviti seni dilakukan semakin kuat kawalan cengkaman jari dan pergerakan tangan, dan manfaat ini akhirnya membantu memudahkan pembelajaran menulis.

Meningkatkan koordinasi tangan dan mata

Kemahiran ini menekankan hubungan koordinasi tangan dan mata semasa kanak-kanak melukis. Semasa kanak-kanak melukis, tatapan penuh pada kertas dan pensil dilakukan supaya apa yang dilukis oleh kanak-kanak tersebut membolehkannya menghasilkan gambaran yang diinginkan. Sebagaimana peserta kumpulan kanak-kanak ini, didapati ke semua mereka melalui proses tatapan penuh semasa mereka melukis. Hasil pemerhatian pengkaji menjelaskan bahawa situasi tatapan semasa melukis agar membolehkan kanak-kanak menghasilkan sebuah lukisan yang cantik, menarik, dan yang dikehendakinya. Mereka akan fokus melihat dan melukis sehingga karya yang dihasilkan benar-benar digambarkan mengikut pandangan mereka. Pada masa yang sama hubungan koordinasi ini saling bergantung dengan keupayaan jari dan tangan.

Menggalakkan analisis visual.

Hasil gambaran lukisan kanak-kanak turut membuktikan kanak-kanak berupaya memindahkan imej visual ke bentuk lukisan sama ada imej visual diperoleh daripada alat permainan, hasil tontonan video kartun, juga benda-benda yang berada di persekitaran kanak-kanak (luar dan dalam rumah), serta anggota tubuh badan sama ada diri sendiri dan ahli keluarganya. Gambar 1: imej dinasour visual daripada alat permainan. Gambar 2: Imej abjad visual daripada paparan abjad, pembelajaran dan tontonan.



Gambar 4.2 Imej visual kanak-kanak

Selain daripada imej visual di atas, sebenarnya banyak lagi imej yang diterjemahkan oleh kanak-kanak hasil daripada pandangan mata mereka. Ini termasuklah lukisan kek, lukisan manusia, hadiah, nombor dan banyak lagi. Analisis visual ini membawa makna bahawa apa yang dilihat oleh kanak-kanak akan diterjemahkan ke bentuk gambaran iaitu lukisan. Hal ini selari dengan pendapat Deguara & Nutbrown, (2018), yang menyatakan daya pemikiran kanak-kanak berkemampuan memindahkan penglihatan imej visual mereka walau pun mereka masih berada dalam peringkat umur yang sangat muda. Semakin muda kanak-kanak tersebut, semakin kuat tahap daya ingatan mereka terhadap sesuatu imej visual (Suggate & Martzog, (2022). Maka dengan kekuatan daya ingatan terhadap imej visual ini, kanak-kanak sering menunjukkan kegembiraan jika tayangan kartun yang mereka sukai dipertontonkan dan imej dan jalan cerita kartun tersebut diterjemahkan dalam gambaran lukisan sama ada berlaku perubahan jalan cerita atau pun tidak. Berikut hasil respon temu bual bersama informan;

“kadang tu anak saya tengok kartun, dia akan lukis watak-watak kartun tu pula, lepas tu bercerita dan bermain dengan dorang, cerita sendiri-sendiri la contohnya ada 3 watak dalam kartun tu, dia lukis watak tu dan dia ambil peranan setiap watak tu, dari sana kita



akan dengar kadang suara dia biasa-biasa, kadang macam ikut kat watak tu, kadang menangis, kadang ada yang nak pujuk”..(T1-sb5, i1, L:18-22)

“anak saya dia akan gunakan alat permainan dia kat rumah seperti blok, kereta, lego, macam-macam lagi la untuk dia bermain macamana yang dia lihat kat tv tu”.. (T1-sb4, i2, L:13-14)

“kebelakangan ni saya lihat anak saya suka melukis watak dalam kartun kegemaran dia, lepas saja dia tonton tv, dia cari pensil dan kertas dan lukis watak tu tunjuk satu rumah”..(T1-sb5, i3, L:17-18)

“okay perkara ini memang tak boleh dijangka ye..anak saya ni ada satu movie kartun untuk pembelajaran dia, dan memang selalunya saya akan beri dia tengok untuk belajar. Tahap pengetahuan dia terus meningkat, apatah lagi kalau dia lukis apa-apa sahaja dalam kartun tu memang hebat, tapi hari ini lukisan dia ada perubahan skit..,anak saya lukis diri dia, ayah dan saya, dan abang dia sekali dan lukisan itu sebiji seperti pada watak kartunya termasuklah bilangan ahli keluarga dan bercerita tentang ikatan kekeluargaan yang kukuh” ... (T1-sb5, i4, L:37-42)

Walau bagaimanapun, bagi respon i4, informan ini tidak membenarkan hasil lukisan kanak-kanak tersebut ditunjukkan, hanya membenarkan pengkaji melihatnya dan data dibenarkan melalui temu bual sahaja.

4.3 Mengembangkan kreativiti

Kanak-kanak yang suka melukis berpeluang mengembangkan kreativiti mereka termasuklah mencipta dan mereka bentuk lukisan yang lebih baharu, menjana idea baharu, seterusnya menjurus terhadap perkembangan pemikiran kreatif. Melalui seni kreatif, kanak-kanak belajar membuat makna dan bebas meluahkan fikiran, idea dan perasaan mereka dengan pelbagai hasilan karya. Berikut hasil temu bual bersama informan:

“bila kita tengok anak kita ni suka melukis, saya beri sokongan kepadanya dengan membiarkan dia menconteng, melakar, menulis dan melukis dinding rumah.. dari mula sekitar umur anak saya setahun lebih dia just conteng-conteng biasa je, tapi bila lama-lama tu kita dah nampak unsur kekreatifan pada perubahan lukisan dia, mula-mula melukis hanya garisan, lepastu dia mula pandai melukis huruf, lepastu melukisa nombor, lepastu mula melukis manusia”..(T1-sb6, i1, L:3-6)

“bila anak saya hasilkan lukisan yang luar biasa, saya akan kata wowww..sebab daripada mula dia tak tau melukisnya, tibat-tiba nampak dah pandai dan lagi ada kesinambungannya., contohnya anak melukis belon bulat je..beberapa lama kemudian belon tu bulat dan besar, mempunyai batang pegangan dan reben-reben sekali, dan belon tu dipegang oleh seseorang iaitu anak saya tu la, dan dia kata ini dia tengah bermian belon kat padang”..(T1-sb6, i2, L:15-20)

“anak saya dah terlebih kreatif ni, dinding kat rumah dia nak melukis tu siap dicungkil jadikan terowong katanya”..(T1-sb2, i3, L:4-5)

“inilah yang saya lihat pada anak saya, daripada mula saya tahu tahap lukisan dia..daripada buruk takde makna, tak nampak pun apa tapi lama kelamaan saya nampak

lukisan anak saya berubah. Macam orang-orang tu la, dia lukis tak ada mata, kaki, kepala besar, tak ada tangan dan macam-macam lagi, esok esok saya lihat dah ada tangan lidi, kepala dan tak besar, ditambah lagi dengan peranan orang yang dia lukis tu.., so maknanya saya lihat adanya perubahan hasil lukisan pada anak saya yang sangat besar”..(T1-sb6, i4, L:20-26)

Secara keseluruhan, hasil lukisan gambar 4.2 membuktikan bahawa terdapat perubahan dalam istilah mencipta, mereka bentuk, serta idea baharu yang membawa maksud sifat kreatifitas sesuatu karya lukisan. Perspektif Brodin & Renblad, (2020), menyatakan idea yang baharu timbul daripada kekerapan seseorang kanak-kanak itu melukis, sehingga mereka berjaya menghasilkan sesuatu gambaran sesuai dengan kematangan pemikiran mereka.

4.4 Membangun pembelajaran dan pengetahuan baharu

Kekuatan daya ingatan dan kawalan diri

Hasil kajian mendapati semua peserta kajian kanak-kanak mempunyai ingatan yang kuat terhadap apa yang mereka lakarkan, terutamanya berkaitan dengan lukisan berkaitan ahli keluarga mereka. Selain itu, kekuatan ingatan juga berkait dengan apa yang berlaku dalam rutin kehidupan harian mereka kemudian dipindahkan dalam bentuk gambaran. Misalnya seorang kanak-kanak melukis tentang dirinya yang sedang menikmati ais krim. Ingatan kanak-kanak juga boleh dikenal pasti apabila mereka telah mempelajari sesuatu kemudian mereka melukiskan apa yang mereka pelajari. Contohnya nyanyian dan tontonan ABC. Dengan dalamnya minat kanak-kanak terhadap seni lukisan, secara tidak langsung mereka boleh mempelajari cara untuk mengawal diri sendiri secara semula jadi. Sebagaimana hasil temu bual berikut;

“saya tak sangka minat anak saya melukis ini sebenarnya mengajar dia untuk kawal diri sendiri.. ni apa yang saya perhatikan kalau dia nak sesuatu tetapi saya tak bagi, dia akan mula meragam menangis, tapi satu masa secara tak sengaja saya katakan jom melukis..dia terus diam dan happy sebab nak melukis, perkara sebentar tadi tu dia dah lupakan”..(T1-sb7,i1, L:21-25)

“di samping minat melukis ni, rupanya ada didikan yang tersembunyi iaitu cara untuk mengawal diri. kita tahu budak-budak ni kalau dah sampai masa dia nak tentrum sangat susah nak pujuk or nak buat apa-apa..tapi anak saya dia akan sendiri berhenti menangis pegi kat cari alat lukisan dia, dan melukis..bila saya tengok lukisan tu ok je, dia tambah seronok, dan terus berbual dengan kita”..(T1-sb7,i4, L: 25-30)

Berdasarkan respon temu bual di atas, aktiviti melukis mampu mengawal emosi kanak-kanak secara semula jadi dan mereka mudah mengendalikannya dengan berkesan. Perkara ini menandakan bahawa kanak-kanak yang minat dalam menyampaikan bahasa lukisan, pada masa yang sama mempelajari cara mengawal emosi diri.

Penguasaan menulis abjad A-Z

Hasil kajian juga turut membuktikan kanak-kanak mula menulis huruf ABC dengan mudah tanpa perlunya buku *trace* abc yang kebiasaannya dilakukan oleh kanak-kanak di tadika. Kanak-kanak yang berumur 2-3th diberi awal pendedahan menulis abjad *tracing* sebenarnya memaksa dan menetapkan fikiran kanak-kanak mengikut kehendak lain atau peraturan arahan seawal umur yang kurang bersesuaian serta bertepatan dengan pendidikan awal kanak-kanak

yang sebenar dan semula jadi. Sebagaimana pendapat Vygotsky, (1989) bahawa, pendidikan pembelajaran awal kanak-kanak perlu berlandaskan sosiobudaya mereka sebenar dan situasi nyata, agar kanak-kanak berpeluang mengalami proses pembelajaran tersebut sesuai dengan kehendaknya, fikirannya dan kemajuannya kerana proses kanak-kanak mengetahui sesuatu bermula dengan alat budaya alat minda. Pengkaji mendapati kanak-kanak ini sangat pantas menghasilkan huruf, sama ada diajar atau tidak. Kebolehan ini adalah saling berhubung kait dengan kekuatan imej visual dan daya ingatan kanak-kanak sebagaimana dapatan yang telah dihuraikan pada tema tersebut. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati dua kanak-kanak (p) berkebolehan menulis huruf abjad tanpa sokongan ibu bapa, manakala kanak-kanak (L) kadang-kala boleh melakukan sendiri, kadang-kala memerlukan sokongan daripada ahli keluarganya.

Kemahiran mewarna dan kumpulan warna

Selepas kanak-kanak memperoleh pengetahuan abjad, kanak-kanak seterusnya menunjukkan peningkatan pengetahuan iaitu mereka menunjukkan kebolehan mewarna termasuklah mewarna mengikut kumpulan warna dan mewarna dalam garisan dalam. Pada awalnya, kanak-kanak melukis menggunakan warna pensil, kekerapan melukis menggunakan pensil warna mengubah citarasa kanak-kanak terhadap aktiviti mewarna sama ada mewarna menggunakan pensil warna, crayon dan juga warna air. Pemerhatian fasa umur 3th kanak-kanak menunjukkan semua mereka kini gemar menggunakan warna sama ada digunakan untuk melukis dan juga mewarna. Hasil analisis pemerhatian ini mendapati kanak-kanak mencuba sesuatu yang baharu yang boleh memberi keseronokan semasa mereka menghasilkan karya lukisan. Malah, semua informan turut memberi pendapat bahawa anak mereka sentiasa menggantikan alat tulis yang digunakan dalam melukis dan mewarna. Menurut Einarsdottir, Doskett & Perry, (2009) penggunaan alat tulis yang berbeza semasa menghasilkan sebuah lukisan merupakan luahan pemikiran kanak-kanak yang menghendakkan sesuatu karya dilihat lebih menarik dan lebih baharu yang memberi kepuasan kepada diri mereka sendiri, kemudian sifat teruja ditunjukkan kepada orang lain. Berikut hasil temu bual bersama informan: (t1-i1, L:2, “apa yang saya prasan..anak saya suka guna warna air kalau dia nak mewarna”..), (t1-i2: L2-3, “sudah jarang saya lihat anak saya melukis menggunakan pensil, kalau saya lihat lukisan dia, dia dah guna pensil warna melukis dan juga mewarna sekali”..), (t1-i3, L:21-22, “apa yang saya perhatikan, anak saya mewarna dah tak campur-campur warna dah, dia akan guna satu warna sahaja..), (t1-i4, L:16-17, “boleh tahan juga efek melukis ni..kita tak payah ajar anak ikut kumpulan warna, dia sendiri akan tahu kelas2 warna tersebut”..).

Maka, ini jelas membuktikan bahawa dengan melukis kanak-kanak mampu membangun pembelajaran dan pengetahuan baharu dengan lebih mudah tanpa mengikuti arahan pembelajaran yang rumit. Seperti mana petikan Deguara & Nutbrown, (2018) menyatakan lukisan membantu meningkatkan pembelajaran kanak-kanak kerana proses ingatan kanak-kanak sangat kuat dan mereka mudah mengadaptasi secara abstrak pemikiran mereka ke dalam bentuk lukisan. Malah, dapatan ini turut mengungkap bahawa lukisan adalah lebih baik kerana proses pembelajaran kanak-kanak berlaku secara semula jadi dan berperingkat daripada terus memasuki kerumitan alam bacaan dan tulisan. Sebagaimana pendapat Hansen & Broekhuizen, (2021) menyatakan bahawa aktiviti seperti membaca atau menulis memaksa kanak-kanak untuk memproses maklumat dalam pelbagai cara: secara visual, kinestetik dan semantik.



5. RUMUSAN

Pendedahan dan pengalaman seni awal membolehkan kanak-kanak menjana idea baharu, seterusnya mengembangkan pemikiran kreatif yang wujud dalam diri sehingga dewasa dan berupaya mencipta sesuatu produk yang bersifat penuh kreativiti. Melukis juga membangun kekuatan daya fikir kanak-kanak di mana mereka menggunakan ingatan dalam beberapa cara yang berbeza. Ini termasuklah sesuatu lakaran membantu kanak-kanak mengingati semula perjalanan kehidupan harian kanak-kanak. Oleh itu, manfaat melukis kanak-kanak awal usia 0-3th membangun perkembangan bahasa kanak-kanak, membangun kemahiran motor halus, mengembangkan kreativiti, serta membangun pembelajaran dan pengetahuan baharu. Selain itu, kebaikan lain boleh dikenal pasti dalam diri kanak-kanak daripada segi kekuatan imaginasi, luahan perasaan dan emosi serta kawalan diri, meningkatkan keyakinan dan bermotivasi, menanam sikap berani, dan sebagainya.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan dan terima kasih ditunjukkan kepada semua peserta kajian kanak-kanak dan ibu bapa yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, serta dua pakar *reviewer* sebagai pemeriksa utama makalah ini sehingga kajian ini berjaya dilaksanakan.

RUJUKAN

- Brodin, J., & Renblad, K. (2020) Improvement of preschool children's speech and language skills, *Early Child Development and Care*, 190:14, 2205-2213, DOI: 10.1080/03004430.2018.1564917
- Brooks, M. (2009). Drawing, visualisation, and young children's exploration of "Big Idea". *International Journal of Science Education*. V 31 (3): 319-341. doi.org/10.1080/09500690802595771
- Deguarra, J., & Nutbrown, C. (2018). Signs, symbols and schemas: understanding meaning in a child's drawings, *International Journal of Early Years Education*, 26:1, 4-23, DOI: 10.1080/09669760.2017.1369398
- Einarsdottir, J., Dockett, S., & Perry, B. (2009). Making meaning: children's perspectives expressed through drawings, *Early Child Development and Care*, 179:2, 217-232, DOI: 10.1080/03004430802666999
- Guimaraes, S. (2022). The representation of mental states in young children's writings: the role of early narratives in supporting theory of mind, *Early Child Development and Care*, DOI: 10.1080/03004430.2022.2051500
- Hansen, J, E., & Broekhuizen, M., L. (2021). Quality of the Language Learning Environment and Vocabulary Development in Early Childhood, *Scandinavian Journal of Educational Research*, 65:2, 302-317, DOI: 10.1080/00313831.2019.1705894
- Kallitsoglou, A., Repana, V., & Shiakou, M. (2022). Children's family drawings: association with attachment representations in story stem narratives and social and emotional difficulties, *Early Child Development and Care*, 192:8, 1337-1348, DOI: 10.1080/03004430.2021.1877284
- Murray, J. (2021). How do children build knowledge in early childhood education? Susan Isaacs, YoungChildrenAreResearchers and what happens next, *Early Child Development and Care*, 191:7-8, 1230-1246, DOI: 10.1080/03004430.2020.1854242
- Neuville, M., & Pfiffner, B. (2019). Guided Drawing: Facilitating trauma narratives for young children. *Journal of creativity in Mental Health*, p14, (4): 519-531 doi.org/10.1080/15401383.2019.1645630



- Nordberg, A. (2021). Support of language and communication in the ‘Tambour situation’ in Swedish preschools, *Early Child Development and Care*, 191:5, 699-712, DOI: 10.1080/03004430.2019.1645134
- Peterson, S., & Friedrich, N. (2021). Viewing young children’s drawing, talking, and writing through a ‘language as context’ lens: implications for literacy assessment. *International Journal of Early Years Education*, v30 (1): 106-121. doi.org/10.1080/09669760.2021.1956439
- Steyn, M., Moen, M. (2017). Drawing sadness: What are young children telling us? *Early Child Development and Care*. V189 (1): 79-93. doi.org/10.1080/03004430.2017.1301936
- Suggate, S, P., & Martzog, P. (2022) Preschool screen-media usage predicts mental imagery two years later, *Early Child Development and Care*, 192:10, 1659-1672, DOI: 10.1080/03004430.2021.1924164